INDUSTRI TAKAFUL MALAYSIA 1984-2004

Sempena ulang tahun ke-20 industri takaful Malaysia, rencana khas ini memaparkan kedudukan industri takaful selepas 20 tahun diperkenalkan di Malaysia. Rencana ini juga memberi kupasan tentang pengalaman Malaysia membangunkan industri takaful yang kukuh sebagai alternatif yang berdaya maju kepada insurans konvensional.

"Sesungguhnya Allah tiada mengubah keadaan sesuatu kaum kecuali jika mereka mengubah keadaan diri mereka sendiri"

Al-Qur'an, Surah Ar-Ra'd, 13:11

20 YEARS
EXPERIENCE
of Malaysian **Takaful** industry







Industri Takaful Malaysia - Maklumat Ringkas

Apakah Takaful?

Takaful ialah insurans yang berlandaskan prinsip Syariah.

Penubuhan Industri Takaful di Malaysia

- Perkembangan industri takaful di Malaysia pada awal tahun 1980-an ialah hasil daripada keperluan umat Islam pada ketika itu untuk mempunyai alternatif kepada insurans konvensional yang memenuhi kehendak Syariah serta bagi melengkapkan operasi bank Islam yang ditubuhkan pada tahun 1983.
- Kewujudan industri takaful dipengaruhi sebahagian besarnya oleh keputusan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Malaysia yang memutuskan bahawa insurans hayat dalam bentuk yang ada ialah suatu kontrak yang tidak sah kerana mempunyai unsur-unsur Gharar (ketidaktentuan), Riba' dan Maisir (perjudian).
- Pasukan Petugas Khas telah ditubuhkan oleh Kerajaan pada tahun 1982 untuk mengkaji daya maju penubuhan syarikat insurans secara Islam.
- Berikutan syor Pasukan Petugas ini, Akta Takaful telah dikuatkuasakan pada tahun 1984 dan pengendali takaful yang pertama telah diperbadankan di Malaysia pada bulan November 1984.

Pengendalian Takaful di Malaysia

- Peserta mencarum sejumlah wang dalam satu kumpulan wang bersama, yang akan digunakan untuk saling membantu ahli-ahli yang mengalami kerugian atau kerosakan tertentu.
- Pengendali takaful yang diamanahkan untuk mengurus kumpulan wang tersebut, menjalankan operasi secara komersial sebagai usaha niaga perniagaan untuk mendapat keuntungan.
- Sumber pendapatan pengendali takaful adalah daripada:-
  - keuntungan daripada pelaburan kumpulan wang pemegang saham;
  - fi agensi/wakalah;
  - bahagian keuntungan pelaburan kumpulan wang takaful; dan/atau
  - lebihan kumpulan wang takaful.

Konsep

- **Takaful:-**
  - Berasal daripada perkataan Arab yang bermaksud saling menjamin yang melibatkan sekumpulan peserta yang bersetuju untuk saling menjamin sesama mereka terhadap kerugian tertentu.

- **Tabarru':-**
  - Tabarru' bermakna derma, hadiah atau caruman. Peserta skim takaful bersetuju untuk memberikan sebahagian tertentu daripada caruman dalam kumpulan wang takaful sebagai derma untuk membantu peserta-peserta lain yang menghadapi kesulitan;
  - Ia merangkumi unsur perkongsian tanggungjawab, indemniti bersama dan saling melindungi; dan
  - Ia merupakan teras kepada sistem takaful yang menjadikan unsur ketidaktentuan dibenarkan di bawah kontrak takaful.

- **Mudharabah/wakalah:-**
  - Pengendali takaful ialah pentadbir kumpulan wang takaful dan mengurus kumpulan wang tersebut sebagai amanah bagi pihak peserta, dan kontrak antara peserta dengan pengendali ditentukan di bawah kontrak mudharabah (berkongsi keuntungan) atau wakalah (agensi);
  - Mudharabah memberikan hak kepada pihak yang berkontrak untuk berkongsi keuntungan, sementara liabiliti kerugian ditanggung oleh peserta; dan
  - Berasaskan model wakalah, pengendali takaful memperoleh fi bagi perkhidmatan yang diberikan sementara liabiliti kerugian ditanggung oleh peserta. Fi yang berbeza-beza boleh dikenakan berdasarkan prestasi pengendali takaful.

Perbandingan antara Insurans dengan Takaful

	Insurans	Takaful
Kontrak	• Kontrak pertukaran (jual dan beli) antara penanggung insurans dengan pihak diinsuranskan.	• Gabungan kontrak tabarru' (derma) dan agensi atau kontrak berkongsi keuntungan.
Tanggungjawab pemegang polisi/peserta	• Pemegang polisi membayar premium kepada penanggung insurans.	• Peserta membuat caruman ke dalam skim. • Peserta saling menjamin sesama sendiri di bawah skim.
Liabiliti penanggung insurans/pengendali takaful	• Penanggung insurans bertanggungjawab membayar manfaat insurans seperti dijanjikan daripada asetnya (kumpulan wang insurans dan kumpulan wang pemegang saham).	• Pengendali takaful bertindak sebagai pentadbir skim dan membayar manfaat takaful daripada kumpulan wang takaful. • Sekiranya berlaku kekurangan dalam kumpulan wang takaful, pengendali takaful akan menyediakan pinjaman tanpa faedah untuk menampung kekurangan berkenaan.
Pelaburan kumpulan wang	• Tidak terdapat sekatan selain sekatan yang dikenakan untuk tujuan kehematan.	• Aset kumpulan wang takaful dilaburkan dalam instrumen yang memenuhi kehendak Syariah.

Struktur Institusi

Pengendali takaful dibenarkan mengendalikan takaful am dan takaful keluarga (hayat) (perniagaan komposit).

	1985	1990	1995	2000	2004
Bilangan pengendali takaful	1	1	2	2	4
Bilangan cawangan	-	31	42	124	133
Bilangan ejen	-	-	1,210	4,567	16,316

Penunjuk Utama[1]

	1986[2]	1990	1995	2000	2004
Pendapatan caruman	1.6	28.4	94.9	522.7	1,123.1
Keluarga	0.6	8.4	37.0	373.0	794.4
Am	1.0	20.0	57.9	149.7	328.7
Bahagian pasaran industri insurans (%)	…	0.8	1.0	3.8	5.1
Aset	1.4	38.2	183.3	1,872.9	5,028.7
Keluarga	0.6	15.5	94.2	1,542.4	4,305.1
Am	0.8	22.7	89.1	330.5	723.5
Bahagian pasaran industri insurans (%)	…	0.4	0.7	3.7	5.6
Penembusan pasaran[3]	…	0.1	0.3	2.5	5.1

1 Dalam RM juta
2 Tahun akhir kewangan pertama adalah pada 1986
3 Bilangan sijil takaful berkuat kuasa dibahagi dengan jumlah penduduk
… Terlalu kecil

Industri Takaful Malaysia selepas Dua Dekad

Industri takaful Malaysia telah mengalami pertumbuhan dan transformasi pesat sejak ia mula diperkenalkan 20 tahun lalu. Daripada sebuah industri yang mempunyai hanya satu pengendali takaful dengan produk asas yang terhad, ia berkembang menjadi industri yang berdaya maju yang telah diintegrasikan ke dalam arus perdana sistem kewangan. Ini dicapai melalui usaha bersepadu Bank Negara Malaysia dan pengendali-pengendali takaful dalam membangunkan industri takaful yang dinamik, berdaya tahan dan cekap.

Perubahan Industri Takaful Malaysia 1984-2004

	1984	2004
Pengendali	• Pengendali komposit tunggal dengan modal RM10 juta sebagai asas untuk industri ini.	• Empat pengendali komposit dengan setiap satu mempunyai modal minimum RM100 juta yang meningkatkan persaingan.
Pelabur/ pemegang saham	• Sebuah bank Islam serta majlis dan yayasan Islam negeri.	• Pelbagai pelabur yang terdiri daripada pelabur swasta, kumpulan perbankan, penanggung insurans dan satu penanggung insurans semula, dengan satu pengendali takaful disenaraikan di Bursa Malaysia.
Kerajaan/ pengawalselia	• Menyediakan asas bagi pengenalan takaful dengan mengadakan pengawalseliaan asas.	• Mewujudkan persekitaran yang membolehkan perkembangan industri takaful dan menetapkan hala tuju strategik bagi jangka sederhana dan jangka panjang.
Produk	• Produk yang terhad dan tertumpu pada takaful motor, kebakaran dan gadai janji. • Produk takaful am mendominasi pasaran dengan bahagian sebanyak 63% (dari segi caruman).	• Campuran produk yang pelbagai dengan ciri-ciri yang sofistikated. • Produk takaful keluarga mendominasi pasaran dengan bahagian sebanyak 71% (dari segi caruman).
Pelanggan	• Kebanyakannya umat Islam.	• Umat Islam dan bukan Islam dengan kehendak, keutamaan dan permintaan yang berbeza-beza.
Saluran agihan	• Cawangan dan pegawai pemasaran.	• Cawangan, pegawai pemasaran, tenaga agensi, banktakaful, broker, internet dan hubungan strategik.
Saluran pelaburan	• Tertumpu pada deposit Islam dan sekuriti Islam Kerajaan.	• Instrumen pelaburan yang lebih pelbagai dikeluarkan oleh Kerajaan dan sektor swasta.

Industri Takaful Malaysia selepas Dua Dekad

Dalam membangunkan industri takaful di Malaysia, Bank Negara Malaysia telah mengguna pakai pendekatan secara berperingkat yang dibahagikan kepada tiga fasa:

- ***Fasa I (1984-1992)*** bermula dengan penggubalan undang-undang pengawalseliaan khusus iaitu Akta Takaful 1984 dan penubuhan pengendali takaful pertama pada tahun 1984. Tumpuan utama sepanjang tempoh ini ialah penyediaan infrastruktur asas bagi industri takaful. Akta yang masih digunakan ini telah digubal untuk mengawal pengendalian perniagaan takaful dan mengehendaki pengendali takaful didaftarkan. Ia juga memperuntukkan penubuhan Jawatankuasa Syariah untuk memastikan bahawa operasi perniagaan pengendali takaful mematuhi prinsip Syariah pada setiap masa.

- ***Fasa II (1993-2000)*** merupakan tempoh persaingan diperkenalkan dengan kemasukan satu lagi pengendali takaful. Tempoh ini juga menyaksikan peningkatan kerjasama di kalangan pengendali takaful di rantau ini termasuk pembentukan Kumpulan Takaful ASEAN pada tahun 1995 dan penubuhan ASEAN Retakaful International (L) Ltd. pada tahun 1997. Ini telah memudahkan pengaturan takaful semula (insurans semula) di kalangan pengendali takaful di Malaysia dan di rantau ini, iaitu Brunei, Indonesia dan Singapura.

- ***Fasa III (2001-2010)*** bermula dengan pengenalan Pelan Induk Sektor Kewangan (PISK) pada tahun 2001 dengan objektif, antara lain, menambah baik keupayaan pengendali takaful dan memperkukuh rangka kerja perundangan, Syariah dan pengawalseliaan. Bahagian PISK yang berkaitan dengan perbankan Islam dan takaful merupakan hala tuju strategik ke arah merealisasikan hasrat Malaysia untuk menjadi pusat antarabangsa bagi kewangan Islam. Setakat ini, tempoh ini telah menyaksikan peningkatan tahap perkembangan dan persaingan dengan pemberian lesen kepada tiga pengendali baru. Untuk terus menggalakkan perkembangan industri takaful, Persatuan Takaful Malaysia (PTM), sebuah persatuan pengendali-pengendali takaful telah ditubuhkan pada tahun 2002. PTM berhasrat memperbaik pengawalseliaan sendiri industri melalui keseragaman amalan pasaran dan menggalakkan kerjasama pada tahap yang lebih tinggi di kalangan pengendali takaful dalam usaha memperkembangkan industri takaful.

Pengawalseliaan dan Pengawal

- Perniagaan takaful dikawal selia di bawah akta khusus iaitu Akta Takaful 1984 untuk memastikan bahawa perniagaan dijalankan secara berhemat tanpa menjejaskan kepentingan peserta dan industri.

- Ketua Pengarah Takaful (yang juga Gabenor Bank Negara Malaysia):-
  - **Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz**
    Sejak Mei 2000
  - **Tan Sri Dato' Seri Ali Abul Hassan bin Sulaiman**
    September 1998 - April 2000
  - **Tan Sri Dato' Ahmad bin Mohd Don**
    Mei 1994 - Ogos 1998
  - **Tan Sri Dato' Jaffar bin Hussein**
    1988 - Mei 1994
  - Sebelum 1988, industri takaful adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan.

Kronologi Peristiwa Industri Takaful Malaysia

Fasa I

Okt. 1982 - Penubuhan Pasukan Petugas Khas untuk mengkaji daya maju penubuhan syarikat insurans secara Islam.

Nov. 1984 - Pemerbadanan Syarikat Takaful Malaysia Sdn. Berhad (STMB).

Dis. 1984 - Akta Takaful 1984 digazetkan.

Ogos 1985 - STMB memulakan operasi.

Mei 1988 - Bank Negara Malaysia diberi tanggungjawab mengawal dan menyelia industri insurans dan takaful.

Fasa II

Okt. 1993 - MNI-Takaful Sdn. Berhad memulakan operasi.

Okt. 1995 - Penubuhan Kumpulan Takaful ASEAN.

Mei 1997 - Pelantikan ahli-ahli Majlis Penasihat Syariah Kebangsaan bagi Perbankan Islam dan Takaful.

Mei 1997 - Pemerbadanan ASEAN Retakaful International (L) Ltd. di Pusat Kewangan Luar Persisir Antarabangsa, Labuan.

Nov. 1998 - MNI-Takaful bertukar nama kepada Takaful Nasional Sdn. Berhad.

Fasa III

Feb. 2001 - Penubuhan Institut Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia.

Mac 2001 - Pelancaran Pelan Induk Sektor Kewangan.

Jul. 2002 - Mayban Takaful Berhad memulakan operasi.

Nov. 2002 - Penubuhan Persatuan Takaful Malaysia.

Jul. 2003 - Takaful Ikhlas Sdn. Berhad memulakan operasi.

Nov. 2004 - Kelulusan secara prinsip diberikan kepada Commerce Asset-Holding Berhad untuk menjalankan perniagaan takaful.

Pengendalian takaful yang berasaskan komersial yang dijalankan di Malaysia telah menyumbang dengan ketara terhadap kejayaan industri takaful. Pendekatan ini menekankan pemberian pulangan yang berpatutan kepada peserta, pengendali takaful dan pemegang saham. Ia berbeza daripada konsep takaful kerjasama yang dilaksanakan di beberapa negara lain dengan skim takaful dijalankan semata-mata untuk tujuan sosial.

Di samping itu, peranan Kerajaan dan sokongannya yang berterusan dalam memperkembangkan industri takaful merupakan faktor penting bagi menggalakkan pertumbuhan industri takaful Malaysia. Kerajaan telah berupaya mewujudkan persekitaran yang kondusif dan menentukan hala tuju yang jelas bagi perkembangan industri ini.

Takaful dari Perspektif Pihak Berkepentingan

Takaful berasaskan komersial (Takaful Tijari)

PELANGGAN	Memenuhi permintaan terhadap beberapa produk perlindungan dan tabungan pada kos yang berpatutan setanding dengan kos produk insurans konvensional.
PENGENDALI	Berupaya menggunakan pengetahuan dan kemahiran untuk mengurus dan mentadbir skim takaful dengan pakej imbuhan yang kompetitif.
KERAJAAN	Menubuhkan takaful sebagai alternatif kepada insurans konvensional dalam sistem kewangan Islam yang komprehensif.
PELABUR/ PEMEGANG SAHAM	Menyediakan pulangan berpatutan atas pelaburan mereka setanding dengan penanggung insurans konvensional.

Ciri-Ciri Penting Industri Takaful Malaysia Tahun 2005

Perkara penting

- Pertumbuhan tahunan dua angka yang berterusan.
- Tidak terjejas dengan krisis kewangan.
- Muncul sebagai antara syarikat domestik yang terbaik dalam industri takaful dan insurans.





Berdaya Maju, Progresif, Berdaya Tahan

Industri takaful di Malaysia mencatat pertumbuhan yang kukuh dan konsisten dalam tempoh 20 tahun yang lalu. Ia terbukti berdaya tahan dalam menghadapi persaingan sengit daripada industri insurans yang lebih maju. Industri takaful mencatat kadar pertumbuhan tahunan purata sebanyak 57.9% bagi aset dan 44% bagi caruman bersih sejak tahun 1986. Kini, industri takaful mencapai penembusan pasaran sebanyak 5.1%, yang menunjukkan kesedaran yang bertambah di kalangan orang ramai tentang manfaat skim takaful. Dalam tempoh dua dekad, kekukuhan industri takaful, dari segi jumlah aset kumpulan wang takaful, telah meningkat daripada RM1.4 juta pada awal penubuhan kepada RM5 bilion pada akhir tahun 2004. Industri takaful telah membuktikan daya tahan sepanjang tempoh krisis kewangan Asia, dengan mengekalkan kadar pertumbuhan tahunan purata yang kukuh sebanyak 61.9% dari segi aset dari tahun 1997 hingga 2000. Jumlah caruman bersih bagi kedua-dua perniagaan takaful am dan takaful keluarga juga meningkat dengan ketara sepanjang tempoh tersebut kepada RM1.1 bilion pada akhir tahun 2004. Perniagaan takaful keluarga, yang memenuhi keperluan perancangan kewangan penduduk dalam memastikan jaminan kewangan jangka panjang, telah berkembang dengan mencakupi bahagian sebanyak 70.7% daripada jumlah caruman bersih berbanding dengan hanya 37.5% pada tahun 1986. Keadaan ekonomi yang menggalakkan dan peningkatan pendapatan boleh guna memberikan petanda baik bagi perniagaan takaful keluarga.

Empat pengendali takaful semasa telah mencapai pertumbuhan yang mapan setanding dengan penanggung insurans domestik. Industri takaful terbukti berdaya maju dengan pencapaian pulangan ekuiti purata sebanyak 22.1% antara

tahun 2000 hingga 2004. Bahkan, satu pengendali takaful telah muncul sebagai salah satu daripada lima syarikat domestik terbaik dari segi saiz aset kumpulan wang hayat dan keluarga dalam sektor insurans[1].

Komponen Penting Sistem Kewangan Islam

Dalam membangunkan sistem kewangan Islam, Malaysia telah mengambil pendekatan yang komprehensif dengan memberikan penekanan yang sama atas semua komponen teras bagi keseluruhan sistem kewangan Islam, iaitu perbankan Islam, takaful serta pasaran wang dan modal Islam. Pembangunan komponen teras secara teratur mewujudkan sinergi, seterusnya menyediakan persekitaran yang kondusif untuk sistem kewangan Islam menjadi penggembleng sumber yang cekap dan menyediakan pembiayaan bagi aktiviti ekonomi yang produktif. Ini membolehkan pengendali takaful bergerak seiring dengan pengendali insurans konvensional dalam menyediakan produk yang kompetitif, yang diluluskan oleh Syariah. Struktur yang komprehensif juga mempertingkatkan daya tahan dan kemantapan sistem kewangan Islam untuk menghadapi kejutan kewangan dan menyumbang ke arah meningkatkan kestabilan keseluruhan sistem kewangan Islam Malaysia.

Perkara Penting

- Takaful ialah komponen teras sistem kewangan Islam yang komprehensif.
- Hubungan yang rapat di kalangan komponen teras mewujudkan sinergi dan menyediakan persekitaran yang kondusif bagi sistem kewangan Islam.

Saling Berhubungan antara Peserta Pasaran

TAKAFUL

Pengendali takaful menyediakan perlindungan secara Islam untuk produk kewangan Islam yang ditawarkan oleh bank-bank Islam.

PERBANKAN

Bank dan pengendali takaful memaksimumkan peluang melalui pengaturan banktakaful untuk menjangkau segmen yang tidak dicapai oleh tenaga agensi tradisional.



Pengendali takaful menyokong pasaran modal Islam melalui penyertaan aktif mereka melanggan instrumen kewangan Islam yang memenuhi keperluan kewangan jangka sederhana dan jangka panjang.

PASARAN MODAL

Bekalan instrumen kewangan berkualiti yang mencukupi yang ditawarkan oleh pasaran modal Islam meningkatkan keupayaan pengendali takaful untuk menjana pulangan pelaburan yang menarik kepada pihak berkepentingan.

[1] Terdiri daripada 9 penanggung insurans dan 4 pengendali takaful

Tadbir Urus Syariah

Bank Negara Malaysia terus menambah baik rangka kerja Syariah supaya selari dengan perkembangan industri takaful. Ini adalah penting untuk memastikan keseragaman pentafsiran Syariah dalam usaha mengukuhkan rangka kerja pengawalseliaan industri kewangan Islam. Rangka kerja Syariah yang kukuh meningkatkan keyakinan pengguna dan memberikan fleksibiliti yang lebih luas kepada pengendali takaful untuk berinovasi dalam ruang lingkup Syariah. Struktur rangka kerja Syariah dua-peringkat yang sedia ada adalah seperti yang berikut:

Perkara Penting

- Rangka kerja Syariah yang berkesan memastikan keseragaman dan keharmonian keputusan Syariah.
- Syariah bertindak sebagai pemboleh kepada inovasi dan kreativiti.

- **Majlis Penasihat Syariah Kebangsaan di Bank Negara Malaysia**
  Majlis Penasihat Syariah Kebangsaan (sekarang dikenali sebagai Majlis Penasihat Syariah bagi Perbankan Islam dan Takaful) telah ditubuhkan di Bank Negara Malaysia pada bulan Mei 1997 dengan objektif untuk menentukan keputusan Syariah mengenai urus niaga perbankan Islam, kewangan Islam dan takaful yang dijalankan oleh institusi kewangan di bawah kawal selia Bank Negara Malaysia. Majlis ini mempunyai kuasa mengharmonikan apa-apa perbezaan pentafsiran Syariah bagi perkara-perkara di bawah bidang kuasanya. Akta Bank Negara Malaysia 1958 dan Akta Takaful 1984 telah dipinda pada tahun 2003 bagi memperkukuh peranan Majlis Penasihat Syariah serta memberikan pengiktirafan undang-undang sebagai badan yang mempunyai kuasa mengenai perkara-perkara Syariah yang berkaitan dengan perbankan dan kewangan Islam. Di samping itu, status Majlis Penasihat Syariah telah dinaik taraf sebagai tempat rujukan oleh mahkamah dan penimbang tara dalam apa-apa pertikaian yang melibatkan isu Syariah mengenai kes-kes yang melibatkan perbankan dan kewangan Islam.

- **Jawatankuasa Syariah**
  Pengendali takaful dikehendaki di bawah undang-undang untuk menubuhkan Jawatankuasa Syariah sebagai sebahagian daripada tadbir urus dalaman bagi memastikan pematuhan terhadap Syariah. Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan Garis Panduan mengenai Tadbir Urus Jawatankuasa Syariah bagi Institusi Kewangan Islam untuk terus memperkukuh tadbir urus Syariah bagi institusi kewangan Islam. Garis Panduan ini dikeluarkan untuk meningkatkan keseragaman keputusan Syariah dengan cara menyelaraskan fungsi dan kewajipan Jawatankuasa Syariah dalam industri dengan Majlis Penasihat Syariah. Garis Panduan ini juga menetapkan tahap kompetensi setiap ahli Jawatankuasa Syariah sebagai usaha menambah ahli Syariah yang kompeten dalam perbankan Islam dan takaful.

Perkara penting

- Model yang fleksibel diguna pakai dengan parameter dibuat berdasarkan prinsip Syariah dan keperluan kehematan.
- Rangka kerja perundangan memberikan sokongan yang secukupnya.

Rangka Kerja Fleksibel

Pengendali takaful mempunyai fleksibiliti untuk mengendalikan perniagaan takaful mereka di bawah model pengendalian takaful yang berbeza-beza. Model pengendalian yang diguna pakai oleh

pengendali takaful ialah:

- **Model Mudharabah (Berkongsi Keuntungan)**
  Dua pengendali takaful mengguna pakai model mudharabah (berkongsi keuntungan) dalam pengendalian perniagaan mereka, dengan beberapa variasi dari segi olahan perbelanjaan pengurusan, reka bentuk produk dan saluran pengagihan. Di bawah kontrak mudharabah, pengendali takaful bertindak sebagai *mudharib* (pengusaha) dan peserta sebagai *rabbul mal* (penyedia modal). Kontrak ini menentukan bagaimana lebihan daripada pengendalian takaful dikongsi antara pengendali takaful dengan peserta. Di bawah kontrak mudharabah, kerugian ditanggung oleh peserta selaku penyedia modal. Walau bagaimanapun, bagi melindungi kepentingan peserta, pengendali takaful dikehendaki mematuhi peraturan berhemat termasuk memberi pinjaman tanpa faedah kepada kumpulan wang risiko takaful sekiranya berlaku kekurangan dalam kumpulan wang risiko takaful.

- **Model Wakalah (Agensi)**
  Dua pengendali lain mengguna pakai model wakalah dalam operasi perniagaan mereka. Konsep wakalah pada dasarnya adalah perhubungan antara ejen-prinsipal, yang mana pengendali takaful bertindak sebagai ejen bagi pihak peserta dan dibayar fi bagi perkhidmatan yang disediakan. Fi boleh dikenakan sebagai amaun tetap atau berdasarkan nisbah yang dipersetujui atas keuntungan pelaburan atau lebihan kumpulan wang takaful.

Gambar rajah 1: Aliran Pengendalian Produk Jangka Panjang



1. Peserta membayar caruman di bawah skim.
2. Bergantung pada model yang diguna pakai oleh pengendali takaful, caruman dibahagikan kepada:
   - Fi Wakalah (diguna pakai untuk model wakalah);
   - Akaun Peserta; dan
   - Akaun Risiko Peserta, juga dikenali sebagai Akaun Khas Peserta.

   Pembahagian antara FW, AP dan ARP adalah berdasarkan nisbah yang dipersetujui terlebih dahulu seperti ditetapkan di bawah kontrak.
3. FW yang terdiri daripada komisen dan perbelanjaan pengurusan akan dibayar kepada pemegang saham.
4. Kumpulan wang AP dan lebihan dalam ARP selepas ditolak perbelanjaan pengendalian, akan dilaburkan dalam aset, terutamanya seperti yang berikut:
   - Instrumen Islam Kerajaan;
   - Sekuriti hutang swasta secara Islam dan ekuiti;
   - Aset tetap; dan
   - Akaun wang tunai dan akaun pelaburan.
5. Keuntungan pelaburan, sekiranya ada, akan diagihkan antara pengendali takaful dengan kumpulan wang takaful (peserta) dalam bentuk perkongsian keuntungan atau fi prestasi berdasarkan nisbah yang dipersetujui terlebih dahulu antara pengendali takaful dengan peserta. Amaun dalam AP akan dikumpul dan dibayar kepada peserta atas kematian, serahan atau matang.
6. Amaun dalam ARP akan digunakan untuk membayar tuntutan, takaful semula dan rizab.
7. Lebihan dalam ARP pada akhir tahun (setelah ditolak tuntutan, takaful semula dan rizab) akan diagihkan kepada pengendali takaful dan peserta. Pengagihan lebihan berdasarkan nisbah yang telah dipersetujui terlebih dahulu yang ditetapkan di bawah kontrak.
8. Pemegang saham akan menggunakan FW dan keuntungan pelaburan (bagi model mudharabah) untuk membiayai perbelanjaan pengendalian.

Gambar rajah 2: Aliran Pengendalian Produk Jangka Pendek



1. Peserta membayar caruman.
2. Caruman dibahagikan kepada:
   • Fi Wakalah (diguna pakai untuk model wakalah); dan
   • Kumpulan Wang Takaful Berkumpulan/Am.
   Pembahagian antara FW dengan KWTBA berdasarkan nisbah dipersetujui terlebih dahulu antara peserta dengan pengendali takaful seperti ditetapkan di bawah kontrak.
3. FW yang terdiri daripada komisen dan perbelanjaan pengurusan akan dibayar kepada kumpulan wang pemegang saham.
4. Lebihan dalam KWTBA [selepas ditolak perbelanjaan pengendalian (diguna pakai untuk model mudharabah)] akan dilabur dan pendapatan pelaburan akan dimasukkan balik dalam kumpulan wang. Pengendali takaful akan menerima bahagian pendapatan pelaburan yang telah dipersetujui sebagai fi prestasi.
5. Lebihan pada akhir tahun (setelah ditolak tuntutan, takaful semula dan rizab) akan diagihkan kepada pengendali takaful dan peserta berdasarkan nisbah yang telah dipersetujui terlebih dahulu seperti ditetapkan di bawah kontrak.
6. Pemegang saham akan menggunakan FW dan keuntungan pelaburan (bagi model mudharabah) untuk membiayai perbelanjaan pengendalian.

Dalam menjalankan perniagaan takaful di bawah kedua-dua model pengendalian, pengendali takaful dikehendaki mematuhi prinsip Syariah dan keperluan kehematan. Pengendali takaful juga tertakluk pada pelbagai garis panduan dan pekeliling di bawah bidang-bidang berikut:

- **Memastikan kecukupan perlindungan kumpulan wang takaful**
  Garis Panduan dan pekeliling telah dikeluarkan untuk melindungi kumpulan wang takaful bagi memastikan kumpulan wang itu tidak berkurang melalui penggunaan yang tidak wajar dan pelaburan yang tidak bijak.

  - *Garis Panduan mengenai Kos Pengendalian Perniagaan Takaful Keluarga* - mengenakan had bagi mengawal kos perolehan, mempertingkat kecekapan pengendalian pengendali takaful dan menyediakan nilai yang lebih baik kepada caruman peserta.
  - *Garis Panduan Amalan Penyelesaian Tuntutan* - menetapkan standard minimum untuk bayaran tuntutan dengan segera dan adil dan juga bagi memastikan bayaran tuntutan dibuat tepat pada masanya.
  - *Peraturan-peraturan (Institusi Kewangan, Pinjaman dan Pelaburan yang Ditetapkan) 2003* - menetapkan saluran pelaburan aset kumpulan wang takaful bagi memastikan keseimbangan antara memaksimumkan keuntungan dengan pengurusan berhemat kumpulan wang takaful.

- **Memperkukuh tadbir urus korporat dan amalan pengurusan risiko**
  Bagi memastikan keberkesanan pengurusan keseluruhan, pengendali takaful dikehendaki mematuhi *Garis Panduan mengenai Jawatan*

Pengarah bagi Pengendali Takaful, yang mengawal pelantikan pengarah dan ketua eksekutif dan penubuhan jawatankuasa lembaga pengarah, termasuk jawatankuasa pengurusan risiko. Selain itu, pengendali takaful juga dikehendaki mematuhi had kehematan dan syarat yang dikenakan atas penggunaan perkhidmatan pihak ketiga bagi pengurusan kumpulan wang takaful. Ini untuk memastikan kumpulan wang takaful diurus dengan betul dalam lingkungan rangka kerja pengurusan risiko yang diterima pakai.

- **Menambah baik penzahiran dan ketelusan**
  Pengendali takaful di Malaysia juga tertakluk kepada surat pekeliling dan garis panduan bagi memastikan penzahiran yang wajar dan mempertingkatkan ketelusan kepada pelbagai pihak berkepentingan. Dengan memberikan maklumat relevan yang tepat pada masanya, semua pihak berkepentingan dapat memainkan peranan secara berkesan dalam memastikan pengurusan berhemat dalam pengendalian takaful.

  - *Garis Panduan mengenai Larangan Terhadap Amalan yang Tidak Adil dalam Perniagaan Takaful* - menggalakkan amalan perniagaan yang bijak dan layanan yang adil kepada pengguna dengan memastikan terma dan syarat kontrak yang saksama. Terdapat juga sekatan tertentu terhadap salah nyata mengenai pelan takaful.
  - *Garis Panduan mengenai Penyata Kewangan bagi Pengendali Takaful* - menambah baik penzahiran dan ketelusan dalam penyata kewangan. Garis Panduan ini juga membantu pelbagai pihak berkepentingan untuk menilai dan menaksir kedudukan kewangan dan prestasi pengendali takaful.
  - *Sistem Statistik Pengendali Takaful* - menambah baik kualiti dan ketepatan masa pelaporan kewangan oleh pengendali takaful bagi membolehkan pengendali mengemukakan data bulanan dan tahunan kepada Bank Negara Malaysia melalui sistem berdasarkan laman web dalam talian. Ia memudahkan pelaporan yang komprehensif tentang prestasi kewangan pengendali takaful dan membolehkan Bank Negara Malaysia menganalisis data kewangan dan mengesan sebarang kemerosotan dalam kedudukan kewangan pengendali takaful.

Industri yang Dinamik Berpaksikan Pengguna

Berbagai-bagai usaha telah dijalankan oleh pengendali takaful untuk memahami keperluan pelbagai segmen pengguna, menjalin hubungan pengguna yang lebih baik dan memenuhi kehendak segmen pelanggan tertentu. Lebih banyak produk seperti anuiti, produk berkaitan pelaburan serta perubatan dan kesihatan sekarang ini boleh didapati untuk memenuhi keperluan pelanggan. Usaha-usaha ini dibuat berdasarkan hakikat bahawa penerimaan oleh pelanggan adalah penting bagi kejayaan industri takaful.

Perkara Penting

- Penerimaan pengguna merupakan kunci kepada kejayaan.
- Semua pengendali takaful menggunakan pendekatan bersepadu untuk mengekalkan keyakinan orang ramai.

Bank Negara Malaysia juga memberi penekanan pada usaha memperbaik rangka kerja perlindungan pengguna. Rangka kerja pengawalseliaan untuk mengawal amalan pasaran oleh penyedia perkhidmatan kewangan telah diperkukuh seperti mempertingkatkan keperluan penzahiran minimum bagi caruman, manfaat, pengecualian dan had yang dikenakan atas produk takaful. Untuk membantu pengguna dalam pertikaian dengan pengendali takaful, Bank Negara Malaysia telah melancarkan Biro Pengantaraan Kewangan baru-baru ini sebagai badan penyelesai pertikaian yang bersepadu bagi hal-hal berkaitan perbankan dan insurans.

Ciri-ciri Penting
Industri Takaful Malaysia
Tahun 2005

Objektif	Pendekatan dan Tindakan Terperinci
Memastikan Kerelevanan	**Mengembangkan portfolio produk berasaskan pilihan pelanggan** • Anuiti - membenarkan peserta menikmati pendapatan tetap selepas bersara. • Berkaitan pelaburan - menggabungkan perlindungan takaful dengan pelaburan dalam portfolio aset berdasarkan unit saham. • Perubatan dan kesihatan - melindungi kos rawatan perubatan swasta, seperti kos masuk wad dan penjagaan kesihatan, sekiranya peserta disahkan menghidapi penyakit tertentu atau terlibat dengan kemalangan. • Waqaf - membolehkan peserta menabung secara berterusan dengan tujuan mengumpulkan dana yang boleh didermakan di bawah sistem waqaf. **Meningkatkan kesedaran melalui kempen kesedaran pengguna yang aktif** • Minggu Perbankan Islam & Takaful dan Ekspo Perbankan Islam & Takaful ialah kempen di seluruh negara untuk mempromosi dan meningkatkan kesedaran tentang perbankan Islam dan takaful melalui penerbitan rencana, program televisyen dan radio, forum eksklusif dan pondok pameran. • Program Pendidikan Pengguna 10 Tahun Bank Negara Malaysia, dikenali sebagai "InfoInsurans" yang termasuk penerbitan siri buku kecil tentang takaful yang memberikan maklumat yang relevan kepada pengguna mengenai produk takaful, kos dan manfaat, proses dan dokumentasi yang terlibat dalam urus niaga takaful di samping hak dan tanggungjawab pelbagai pihak di bawah kontrak takaful.
Memudahkan Akses	**Meningkatkan penggunaan infrastruktur sendiri** • Lebih daripada 130 cawangan di kawasan strategik yang merangkumi kawasan bandar dan luar bandar. • Lebih daripada 16,000 ejen dan eksekutif pemasaran yang mempunyai kelayakan yang lebih tinggi untuk memasarkan produk takaful. • Memudahkan pelanggan memperbaharui kontrak takaful tepat pada masanya secara dalam talian. **Meningkatkan sinergi dengan menggunakan infrastruktur kumpulan** • Banktakaful dengan bank dalam kumpulan yang sama. **Meningkatkan kecekapan dengan memanfaatkan hubungan strategik** • Banktakaful dengan bank tempatan dan asing. • Saluran pengagihan alternatif melalui entiti yang mempunyai jangkauan meluas di seluruh negara seperti Pos Malaysia Berhad dan Lembaga Tabung Haji.
Menambah Baik Perlindungan	**Penubuhan rangka kerja berstruktur penyelesaian pertikaian** • Unit aduan khusus oleh pengendali takaful untuk menyelesaikan aduan pada tahap pertama. • LINK[2] Bank Negara Malaysia untuk penyelesaian aduan pada tahap kedua. • Biro Pengantaraan Kewangan untuk memberikan pengantaraan yang cepat dan berkos efektif dalam menangani aduan pelanggan mengenai tuntutan sehingga: - RM200,000 (takaful motor dan takaful kebakaran) - RM5,000 (kerosakan harta benda pihak ketiga) - RM100,000 (lain-lain) • Bahagian khusus di Mahkamah Tinggi untuk mengadili semua perkara perbankan dan kewangan Islam.

[2] Laman Informasi Nasihat dan Khidmat

Objektif	Pendekatan dan Tindakan Terperinci
	Garis Panduan/arahan pengendalian pasaran • Garis Panduan mengenai larangan terhadap amalan yang tidak adil dalam perniagaan takaful. • Garis Panduan mengenai amalan nasihat yang wajar bagi pengendali takaful dan ejen perniagaan takaful keluarga. • Standard minimum penzahiran produk dan ketelusan dalam pemasaran pelan takaful perubatan dan kesihatan.

Pemangkin Perkembangan Takaful di Peringkat Global

Di peringkat global, pengendali takaful Malaysia telah mengambil langkah-langkah tambahan untuk menggalakkan dan menyokong perkembangan takaful di peringkat global. Kejayaan yang menggalakkan di dalam negeri dan penerimaan yang lebih luas terhadap model pengendalian takaful telah memudahkan pengendali takaful Malaysia memulakan usaha sama di seberang laut melalui penyertaan ekuiti dan pengurusan termasuk juga perkongsian pengetahuan teknikal dan kepakaran.

Selaras dengan semangat kerjasama antarabangsa, Malaysia telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Bank Pembangunan Islam untuk menggalakkan pelaburan di kalangan negara-negara Persidangan Pertubuhan Negara Islam (OIC), termasuk perkembangan takaful dan takaful semula. Di bawah MoU ini, Malaysia telah bersetuju menerajui inisiatif menggalakkan penubuhan syarikat takaful dan pembangunan industri takaful dan takaful semula di kalangan negara-negara anggota OIC. Malaysia juga telah mengambil inisiatif untuk membantu kumpulan Lapan Negara-negara Islam Membangun (D-8) menubuhkan syarikat takaful di negara-negara anggota. Untuk tujuan ini, Malaysia telah menganjurkan beberapa seminar dan bengkel tentang takaful sebagai sebahagian daripada usaha berkongsi pengalaman dan kepakaran dengan negara-negara anggota. Untuk menambah baik infrastruktur takaful global, ASEAN Retakaful International (L) Ltd. telah dikenal pasti sebagai salah satu wahana untuk menambah baik pengaturan takaful semula di kalangan pengendali takaful di negara-negara anggota.

Perkara Penting

- Pengendali takaful di Malaysia menjadi pemangkin perkembangan takaful di peringkat global.
- Malaysia menerajui perkembangan takaful dan takaful semula di negara-negara D-8 dan OIC.

Usaha-usaha untuk Meningkatkan Perkembangan Takaful di Peringkat Global

Negara	Jenis Penyertaan
Indonesia	• Ekuiti • Pengurusan • Perkongsian maklumat • Bantuan teknikal
Singapura	• Perkongsian maklumat • Bantuan teknikal
Brunei	• Perkongsian maklumat • Bantuan teknikal
Arab Saudi	• Ekuiti • Pengurusan • Perkongsian maklumat • Bantuan teknikal
Sri Lanka	• Ekuiti • Pengurusan • Perkongsian maklumat • Bantuan teknikal
Pakistan	• Perkongsian maklumat • Bantuan teknikal
Tartarstan	• Perkongsian maklumat
Malawi	• Perkongsian maklumat
Afrika Selatan	• Perkongsian maklumat

Prospek
Masa Hadapan

Pertumbuhan perniagaan takaful pada tahun-tahun mendatang terus memberangsangkan. Ini disokong oleh peningkatan kesedaran orang ramai terhadap produk takaful, ditambah pula dengan saluran pengagihan yang lebih cekap dan pelbagai yang membolehkan akses lebih luas kepada lebih banyak segmen penduduk. Sektor takaful telah muncul sebagai komponen penting sistem kewangan dan berjaya berintegrasi dengan komponen-komponen lain sistem kewangan Islam. Persekitaran yang kondusif melalui penyediaan rangka kerja perundangan, pengawalseliaan dan Syariah yang kukuh akan terus memudahkan industri takaful mengekalkan pertumbuhan yang pesat. Inovasi produk dan perkhidmatan pelanggan yang cemerlang akan terus menjadi pemboleh utama pertumbuhan industri takaful pada masa hadapan. Di peringkat antarabangsa, wawasan Kerajaan memperkembangkan takaful di peringkat global menjadi pendorong kepada pengendali takaful Malaysia untuk meningkatkan kehadiran mereka di peringkat global. Kapasiti yang bertambah baik dan kewujudan sumber-sumber, khususnya sumber manusia adalah penting bagi mempercepat kemajuan usaha-usaha ini. Di pihak pengawal selia pula, cabaran terletak pada menyediakan persekitaran yang kondusif untuk inovasi produk yang lebih banyak dan pada masa yang sama memastikan mekanisme mengurangkan risiko tersedia.

Usaha mewujudkan industri takaful yang berdaya tahan dan kukuh dalam ruang lingkup sistem kewangan Islam yang dinamik, walaupun merupakan tugas yang mencabar, namun ia adalah pengalaman yang berharga. Sektor kewangan Islam yang cekap hasil daripada usaha ini akan menyumbang ke arah pertumbuhan ekonomi dan kemakmuran negara keseluruhannya.

Senarai Pengendali Takaful Malaysia

Syarikat Takaful Malaysia Berhad	
Tarikh pemerbadanan	29 November 1984
Pemegang saham utama	BIMB Holding Berhad
Maklumat perhubungan	Tingkat 2, Blok Annex Menara Tun Razak Jalan Raja Laut 50350 Kuala Lumpur Malaysia Tel: +603 2693 3211 Faks: +603 2693 7076 Laman web: www.takaful-malaysia.com.my
Takaful Nasional Sdn. Berhad	
Tarikh pemerbadanan	20 September 1993
Pemegang saham utama	Malaysian National Insurance Berhad
Maklumat perhubungan	Aras 14, Bangunan Dato' Zainal 23, Jalan Melaka 50100 Kuala Lumpur Malaysia Tel: +603 2612 5000 Faks: +603 2698 1010 Laman web: www.takafulnasional.com.my
Mayban Takaful Berhad	
Tarikh pemerbadanan	22 Oktober 2001
Pemegang saham utama	Malayan Banking Berhad
Maklumat perhubungan	Aras 15, Menara MaybanLife Dataran Maybank No. 1, Jalan Maarof 59000 Kuala Lumpur Malaysia Tel: +603 2297 3999 Faks: +603 2283 2277 Laman web: www.maybank2u.com.my
Takaful Ikhlas Sdn. Berhad	
Tarikh pemerbadanan	21 April 2003
Pemegang saham utama	Malaysian National Reinsurance Berhad
Maklumat perhubungan	Tingkat 9, Bangunan Malaysian Re No. 17, Lorong Dungun Damansara Heights Beg Berkunci 11094 50990 Kuala Lumpur Malaysia Tel: +603 2084 1000 Faks: +603 2093 1192 Laman web: www.takaful-ikhlas.com.my